

PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Hasbullah Awang^{1*}, Irma Wani Othman², Norazah Mohd Suki³,
Muhammad Safuan Yusoff⁴, Herlina Jupiter⁵, Rudie Adie Razak⁶**

^{1*, 3, 4, 5& 6}*Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah,
2, Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah*

ABSTRAK

Tahun pertama di universiti adalah tempoh masa kritikal dalam kehidupan pelajar. Pelajar tidak hanya tertumpu dari segi intelek, malahan mereka juga turut mewujudkan dan mengekalkan hubungan peribadi, identiti, membuat keputusan mengenai kerjaya dan gaya hidup, kesihatan dan kesejahteraan diri, serta pembangunan terhadap falsafah kehidupan yang bersepadu. Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia berperanan sebagai medium dalam mewujudkan dan menyediakan persekitaran yang dapat membantu pelajar-pelajar antarabangsa merasai pengalaman tahun pertama yang bermakna di universiti tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pengalaman tahun pertama mereka. Kajian ini memberikan pandangan yang berharga terhadap penyesuaian pelajar antarabangsa mengenai pelarasian bukan sahaja dalam sistem pendidikan yang baharu tetapi juga terhadap faktor-faktor seperti budaya dan psikososial. Kajian ini membincangkan beberapa faktor yang memberi kesan kepada pelajar antarabangsa pada tahun pertama mereka di universiti dalam usaha untuk menjadikan pengalaman yang bermakna serta meningkatkan pencapaian akademik mereka. Melalui kaedah kualitatif menerusi kajian kes ke atas 20 orang pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah yang terlibat secara sukarela untuk ditemubual dengan menggunakan kaedah temubual semi struktur, hasil kajian diperolehi. Hasil dapatan penyelidikan mendapati bahawa aspek penyesuaian pelarasian persekitaran, faktor psikososial dan budaya, bahasa, akademik dan juga masalah sosial adalah aspek utama yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa. Perbincangan dalam kertas kerja ini turut menawarkan dengan beberapa cadangan berhubung Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dalam mewujudkan pengalaman yang bermakna bagi pelajar tahun pertama pelajar antarabangsa.

Kata kunci: Pelajar Antarabangsa, Pengalaman Tahun Pertama, Penyesuaian, Budaya, Psikososial, Institusi Pengajian Tinggi Awam, Universiti Malaysia Sabah.

* Corresponding author: Hasbullah Awang, *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah*. E-mail: hasbullahawang87@yahoo.com

Pengenalan

Kecemerlangan sistem pendidikan di Malaysia memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing dan mampu menyumbang ke arah pembangunan modal insan seterusnya terhadap kemajuan ekonomi negara. Perancangan strategik yang rapi oleh Institusi Pengajian Tinggi Negara adalah amat penting sebagai panduan hala tuju untuk menjana, menerapkan dan mengeksploitasi ilmu pengetahuan bagi pertumbuhan ekonomi. Bagi mencapai matlamat dalam menghasilkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama, terdapat langkah-langkah transformasi yang sesuai dilaksanakan demi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Salah satu langkah yang diperkenalkan adalah melalui fenomena pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi. Antara usaha dalam mempergiatkan pengantarabangsaan di peringkat pengajian tinggi termasuklah penambahan bilangan pelajar antarabangsa, perluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mencapai sasaran enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 200,000 orang menjelang tahun 2020 (KPTM, 2016).

Dengan jumlah peningkatan pelajar antarabangsa setiap tahun, pelbagai cabaran yang dihadapi kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia yang melibatkan dari aspek akademik, persekitaran, komunikasi, bahasa dan sebagainya dalam usaha mendorong mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan diperingkat global (Ayob dan Yaakub, 2016). Melalui Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (MEPC), di mana ianya bertanggungjawab dalam mempromosikan Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa dengan menyediakan perkhidmatan kepada pelajar antarabangsa mengenai sistem pendidikan di Malaysia, budaya dan cara hidup masyarakat tempatan (Azizan, 2015). Hal ini bertujuan bagi membolehkan pelajar antarabangsa merasa tidak berasa tersisih sepanjang pengajian mereka di samping menggalakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pengajian pelajar antarabangsa seantero dunia (Azizan, 2015).

Enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia mula berkembang pesat selepas Kementerian Pendidikan Tinggi mula mendorong Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia Tenggara. Ini menggalakkan universiti awam untuk mengembangkan sayap mereka dengan memasarkan pelbagai program untuk menarik minat pelajar antarabangsa (Musa, 2016). Menurut jadual 1 statistik 2014 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia adalah seramai 27,042 orang (KPT, 2014), berbanding 22,456 orang pada tahun 2009 di mana memperlihatkan peningkatan seramai 4,586 orang. Senario tersebut memberi indikasi secara tidak langsung terhadap pemilihan Malaysia sebagai salah sebuah negara pilihan pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian tinggi luar negara.

Jadual 1: Enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (2009-2014)

TAHUN	BILANGAN (ORANG)
2009	22,456
2010	24,214
2011	25,263
2012	26,232
2013	28,830
2014	27,042
JUMLAH	154,042

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,(2017)

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/ms/awam/statistik/2016/> Diakses: 3 Januari 2017

Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai Institusi kajian kes

UMS ditubuhkan pada tahun 1994 sebagai universiti awam ke-sembilan ditubuhkan di Malaysia. UMS dikategorikan sebagai universiti komprehensif dan mempunyai seramai 1,056 orang kakitangan akademik yang terdiri daripada warga tempatan dan juga antarabangsa (UMS, 2017). UMS menawarkan sebanyak 64 jumlah program prasiswazah dan mempunyai sekurang-kurangnya 1,113 orang pelajar antarabangsa yang berdaftar yang mana pelajar antarabangsa ini terdiri daripada negara China, Brunei, Iraq dan juga Indonesia (UMS, 2017). Matlamat kewujudan UMS bukan semata-mata menghasilkan sumber manusia untuk memenuhi keperluan negara, tetapi bermatlamat menghasilkan graduan yang berbakat, berkemahiran tinggi dan mengkhusus dalam pelbagai bidang. Antara kriteria pelajar antarabangsa ini termasuklah: i). Pelajar Pra-Siswazah tahun pertama dari kepelbagaiannya kewarganegaraan yang sedang menuntut di UMS. ii). Pelajar telah sekurang-kurangnya berada di Malaysia selama enam (6) bulan sehingga satu (1) tahun. iii). Status pembiayaan pelajaran tanpa tajaan iaitu di atas sumber kewangan sendiri. iv). Lokasi kajian dilakukan di sepuluh (10) buah fakulti di UMS.

Jadual 2: Enrolmen Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Sesi 2009/2010–2015/2016

SESI	BILANGAN (ORANG)
2009/2010	125
2010/2011	128
2011/2012	187
2012/2013	171
2013/2014	111
2014/2015	150
2015/2016	167
2015/2016 (Feb)	30
JUMLAH	1,113

Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah
Sumber: www.ums.edu.my/phea/index.php/ms

Jadual 2 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2009/2010 sehingga sesi 2015/2016. Terdapat peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa pada sesi 2009/2010 dari 125 orang kepada 128 pada sesi 2010/2011. Pada sesi 2011/2012, enrolmen pelajar antarabangsa ialah sebanyak 187 orang menurun kepada 171 atau sebanyak 16 orang pada sesi 2012/2013. Sesi 2013/2014 memperlihatkan peningkatan daripada 111 orang kepada 150 orang pada sesi 2014/2015. Pola statistik menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di UMS adalah tidak sekata yang mana berlakunya peningkatan dan juga penurunan setiap sesi.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah teknik temu bual mendalam separa berstruktur. Informan kajian yang terdiri dari pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah dari 10 buah fakulti di pilih secara rawak melalui persampelan bertujuan. Pemilihan temu bual separa berstruktur ini adalah untuk menentukan berkaitan pengalaman peribadi pelajar antarabangsa pada tahun pertama mereka di universiti. Reka bentuk kajian ialah jenis kajian kes merupakan satu reka bentuk kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti dan mencari secara intensif mengenai latar belakang sesuatu perkara yang berlaku melalui interaksi

persekitaran sesuatu unit sosial sama ada melibatkan secara individu, kumpulan, institusi atau komuniti (Yin, 2003; 2009).

Perbincangan Kajian

Istilah ‘Pengalaman Tahun Pertama’ menerangkan tentang pendekatan yang menyeluruh untuk pelajar tahun pertama dari segi Korikulum dan Kokurikulum secara bersama (Upcraft, 2015). Menurut (Yorke dan Longsdon, 2016) pengalaman tahun pertama boleh ditakrifkan sebagai kemuncak kepada setiap peristiwa, emosi dan program yang melibatkan pelajar pada tahun pertama kehidupan mereka di universiti.

Kajian terdahulu yang berkait rapat dengan pendidikan antarabangsa pada amnya mengambil dua pendekatan penyelidikan. Pendekatan pertama adalah mengkaji secara makro elemen yang mempengaruhi penolakan pelajar untuk keluar melanjutkan pengajian dari negara asalnya. Manakala pendekatan yang kedua pula mengenalpasti alasan terhadap pemilihan pada peringkat individu dengan mengkaji persepsi pelajar itu sendiri ketika membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara (Bodycott, 2013). Kajian di peringkat individu memfokuskan ke atas faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan pelajar.

Kebanyakan penyelidik menunjukkan bahawa tahun pertama di universiti menuntut dari aspek akademik dan sosial. Oleh yang demikian, pelajar akan mudah tertekan kerana mereka baharu sahaja melanjutkan pengajian di peringkat universiti. Justeru, ledakan dari pengalaman tahun pertama mereka adalah sebahagian daripada bukti yang menunjukkan kejayaan pelajar ditentukan dalam tahun pertama mereka (Noel *et al.*, 2015). Penyelidikan terdahulu juga mendapati bahawa kejayaan di dalam tahun pertama mereka di universiti akan menentukan kejayaan pelajar secara amnya. Untuk itu, usaha perlu di beri tumpuan dalam mewujudkan pengalaman yang bermakna kepada pelajar antarabangsa tahun pertama.

Hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa pengekalan tahun pertama kepada tahun kedua adalah ukuran yang penting kerana ianya mempunyai kesan yang besar ke atas kadar pengijazahan pelajar. Menurut Levitz (2013), kadar keciciran dikalangan tahun pertama adalah 40%, 20% tahun kedua dan 10% selepas tahun ketiga. Berdasarkan pemerhatian, mereka membuat kesimpulan bahawa cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kadar pengijazahan adalah mengurangkan kadar pergeseran (*attrition*) di tahun pertama. Dapatkan kajian mendapati pihak universiti mempunyai tanggungjawab untuk menilai semula bagaimana untuk mewujudkan pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa yang lebih bermakna. Jika perhatian yang secukupnya diberikan bagi meningkatkan peluang kejayaan kepada pelajar antarabangsa, pergeseran mungkin dapat dikurangkan.

Pelarasian Penyesuaian Persekitaran

Menerusi (Furnham dan Bolchner, 2014; Halamandaris, 2014) lagi, terdapat beberapa universiti yang menjalankan beberapa kajian mengenai penyesuaian pelajar antarabangsa. Kajian sebelum ini mengenalpasti bahawa penyesuaian pelajar antarabangsa adalah sangat berbeza mengikut negara asal pelajar, dan tahap kesukaran dalam pelarasian berbeza dari pelajar kepada pelajar lain (Ang dan Tan, 2015). Menurut Sadrossadat (2015), pelarasian ditakrifkan sebagai satu proses yang berkaitan dengan interaksi antara ciri-ciri peribadi pelajar antarabangsa dengan struktur masyarakat tuan rumah. Ini bermaksud, lebih besar persamaan antara ciri-ciri pelajar dan masyarakat tuan rumah, lebih mudah interaksi di lakukan.

Melalui sesi temu bual yang dijalankan bersama 20 orang responden yang dipilih dari 10 buah fakulti di UMS ketika mana pelajar antarabangsa ini tiba di negara tuan rumah, selain dari beberapa detik yang menyeronokkan yang mereka akan temui, tetapi mereka juga akan mengalami masalah yang tidak dijangka. Pelajar antarabangsa ini perlu menyesuaikan diri

dengan sistem pendidikan baru yang mana ianya berbeza sama sekali dengan sistem pendidikan asal mereka. Selain daripada aspek akademik, pelajar antarabangsa ini juga mungkin akan menghadapi beberapa masalah dalam aspek yang lain kerana pelbagai pembolehubah budaya silang, seperti hubungan dengan penduduk tempatan, penginapan, iklim tempatan, sistem kawal selia baru, makanan yang berbeza, dan lain-lain. Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa ini boleh membawa cabaran bukan sahaja kepada pensyarah tetapi juga kepada pihak universiti.

Faktor Psikososial dan Budaya

Faktor psikososial dan budaya adalah sangat penting dalam penyesuaian persekitaran, hasil kajian mendapati bahawa kedatangan pelajar antarabangsa ke Malaysia terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya yang berbeza dan mereka terpaksa berhadapan dengan persekitaran yang baharu. Budaya boleh ditakrifkan sebagai mentaati pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, sikap dan kepercayaan yang dihasilkan oleh manusia dan disalurkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Kebudayaan inilah yang akan membentuk pemikiran rakyat, tafsiran, kepercayaan dan tingkah laku.

Faktor-Faktor seperti masalah psikososial dan budaya boleh memberi kesan secara serentak hasil daripada pengaruh persekitaran baharu (Hanassab, 2015). Marimuthu (2015) mendapati bahawa untuk menilai pengalaman pelajar dan prestasi akademik yang mana seterusnya mempengaruhi pembangunan keseluruhan mereka, ia perlu mengenalpasti pembolehubah pelajar, ciri-ciri universiti dan pengalaman sebenar pelajar. Dua faktor penting yang menentukan kualiti pengalaman di universiti adalah ciri-ciri pelajar dan tradisi universiti itu sendiri (Yorke dan Longsdon, 2016). Faktor tersebut yang akan menentukan pengalaman pelajar yang mana seterusnya dapat mempengaruhi perkembangan sosial dan personaliti pelajar.

Kehadiran pelajar antarabangsa yang semakin meningkat akan menggalakkan pertembungan antara budaya dan akan memberikan impak yang positif terhadap kehidupan pelajar tersebut sepanjang tempoh pengajian mereka (Musa, 2016). Pelajar antarabangsa ini juga tidak terkecuali akan menghadapi pelbagai kesukaran dalam usaha untuk menyesuaikan diri di persekitaran baharu bagi membolehkan komuniti mereka diterima oleh masyarakat tempatan khasnya (Furnham dan Bochner, 2014; Chen, 2014; Barefoot, 2015). Berdasarkan kajian terdahulu juga mendapati penyesuaian silang budaya dilihat sebagai keupayaan dalam menyesuaikan diri dalam budaya lain dengan memahami keperluan, nilai dan kepercayaan (Norazah *et al*; 2014).

Dari dapatan maklumat responden, interaksi budaya adalah pertemuan antara dua budaya yang berbeza di kalangan pelajar ketika berhubung dan berkomunikasi dalam menjalankan kerja kumpulan dan melalui proses pembelajaran. Kejayaan interaksi antarabudaya lebih mudah dicapai jika keserasian wujud dan terdapat persamaan antara kedua-dua budaya iaitu antara budaya yang dibawa oleh pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan. Hasil kajian mendapati kurangnya motivasi dalam menjalankan interaksi antara budaya, keimbangan terhadap akibat interaksi antara budaya, kurang yakin berinteraksi dengan rakan yang berlatar belakang budaya yang berbeza dan juga kurangnya sifat keterbukaan di kalangan pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan.

Akademik

Dari segi aspek perkhidmatan pendidikan iaitu meliputi aspek pembelajaran dan pengajaran (terdiri dari elemen seperti penilaian kursus, pengendalian kursus, kualiti pensyarah, hasil pembelajaran), kemudahan pembelajaran; perpustakaan, makmal komputer, kemudahan sokongan antaranya tempat penginapan dan kemudahan kesihatan, persekitaran pembelajaran

seperti dewan kuliah, bilik kuliah, makmal serta aspek luaran seperti tempat rekreasi dan bantuan kewangan melalui kajian berkaitan kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan pendidikan yang dibangunkan oleh Harvey (2013) dan Harvey *et al.*, (2012) melalui kerangka konseptual.

Apabila melalui perubahan masa, pengubahsuaian daripada kajian Aldemir dan Gulcan (2015), penyelidik berpendapat kepuasan pelajar dalam perkhidmatan pendidikan dipengaruhi empat kumpulan faktor iaitu i) faktor institusi yang merangkumi faktor akademik dan faktor pentadbiran universiti, ii) faktor aktiviti dalam kehidupan di kampus, iii) faktor jangkaan pelajar dan iv) faktor demografi. Faktor-faktor tersebut merujuk kepada jangkaan persepsi pelajar antarabangsa dalam membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke negara destinasi mereka. Kajian Aldamer dan Gulcan (2015) juga mendapati pensyarah yang berprestij tinggi, kualiti pengajaran yang baik dan reka bentuk kurikulum yang sesuai bukan sahaja dapat meningkatkan kepuasan terhadap program malah dapat meningkatkan kepuasan terhadap Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kepakaran dan minat pensyarah terhadap kursus yang diajar adalah sangat signifikan dalam menentukan kualiti pengajaran. Di samping itu, hasil kajian mendapati pelajar antarabangsa tidak suka kepada tugas berkumpulan. Sikap daripada pelajar tempatan itu sendiri yang merasakan terdapat jurang perbezaan menyebabkan pelajar antarabangsa tidak suka pada kerja berkumpulan. Perbezaan persekitaran pembelajaran juga antara faktor kesukaran yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa kerana ianya berbeza sama sekali dengan persekitaran di negara mereka.

Bahasa

Bahasa pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor utama mempengaruhi keputusan untuk memilih program dan destinasi pengajian (Cubillo, Sánchez dan Cerviño, 2014; Counsell, 2014). Bahasa pengantar yang di gunakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran juga antara penyumbang kepada pelajar antarabangsa rasa tersisih (Liew, 2012). Dapatkan penyelidikan memperolehi kebanyakannya daripada pelajar memperlihatkan kecenderungan untuk memilih negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa wajib. Hasil dapatan kajian (Irma Wani *et al.*, 2014) mendapati penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah wajar bagi memenuhi dasar dan polisi pengantarabangsaan UMS seterusnya menarik minat pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di UMS. Walaubagaimanapun, minat serta keinginan pelajar untuk mempelajari bahasa tempatan boleh dipertingkatkan dengan bantuan masyarakat tempatan dan juga pihak universiti yang menjadikan penguasaan bahasa tempatan sebagai satu pilihan kepada pelajar dari negara luar.

Pihak universiti turut memperlihatkan keprihatinan terhadap usaha memperkasa bahasa tempatan dengan menyediakan kelas-kelas bahasa yang disediakan khas kepada pelajar antarabangsa. Penguasaan bahasa tempatan oleh pelajar antarabangsa dilihat bukan saja mampu memberikan keyakinan diri kepada golongan tersebut bahkan ianya dianggap sebagai nilai tambah kepada kelayakan pelajar antarabangsa yang berupaya memberi manfaat kepada mereka pada masa hadapan (Chung *et al.*, 2009). Salah satu medium yang digunakan oleh pihak UMS dalam meningkatkan kemahiran penggunaan bahasa di negara tuan rumah adalah mewajibkan pelajar antarabangsa mengambil kursus Bahasa Melayu. Selaras dapatan kajian yang diperolehi oleh (Rudy *et al.*, 2016) menunjukkan kemahiran dan penggunaan bahasa di negara tuan rumah adalah faktor dominan.

Namun begitu bagi penilaian kursus yang diikuti contohnya peperiksaan dan juga tugasan universiti, pelajara masih meletakkan kecenderungan untuk mengikutinya dengan menggunakan Bahasa Inggeris.

Masalah Sosial

Universiti di seluruh dunia telah membangunkan program pengalaman tahun pertama bagi menyokong serta mewujudkan pengalaman yang paling bermakna di kalangan pelajar antarabangsa. Fokus utama program ini adalah untuk meningkatkan tahap kegigihan pelajar tahun pertama bagi meneruskan pengajian sehingga tamat. Dua model yang paling diiktiraf bagi ketabahan dan pengekalan adalah berdasarkan kepada kajian Astin (2012) dan Tinto (2013). Penyelidikan Tinto mendapati bahawa program pengalaman tahun pertama telah membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran baru . Jika mereka tidak dapat menyesuaikan diri, maka mereka akan menarik balik atau hanya gagal dalam pengajian mereka.

Menerusi temu bual yang dijalankan, didapati Pelajar antarabangsa juga tidak lari dalam melakukan kesalahan-kesalahan sosial. Ada antara mereka menghadapi masalah sesama mereka disebabkan perselisihan faham kerana terdapat perbezaan ideologi yang menyebabkan mereka tidak bersefahaman. Akibat tekanan yang diterima dari segi akademik menyebabkan terdapat pelajar antarabangsa terjebak dengan rokok dan yang lebih serius lagi pengambilan dadah bagi mencari ketenangan terhadap stress yang mereka hadapi. Hasil kajian juga mendapati bahawa pengambilan alkohol dan merokok oleh pelajar antarabangsa adalah untuk melegakan tekanan dan mengurangkan murung diantara mereka. Ini secara langsung kebanyakan pelajar antarabangsa mengambil keputusan mudah untuk berbuat demikian.

Ketidakmesraan antara masyarakat tempatan dan pelajar antarabangsa juga dalam penglibatan sesuatu aktiviti menyebabkan mereka rasa tersisih dalam menyesuaikan diri dengan kelompok masyarakat tempatan. Selain itu kehadiran pelajar antarabangsa yang ramai juga mengundang kepada spekulasi kepada masyarakat tempatan lebih-lebih lagi sekiranya terdapat pelajar antarabangsa ini terlibat dalam jenayah. Hal ini menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap mereka.

Cadangan dan Kesimpulan

Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa ini adalah berharga terutamanya kepada universiti-universiti tempatan. Terdapat 5 cadangan yang diambil kira antaranya:

1. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang lengkap dan berkualiti bagi menjamin kepuasan pelajar.
2. Mempelbagaikan program berbentuk kebudayaan bagi memupuk semangat pelajar antarabangsa mempelajari budaya tempatan.
3. Mewujudkan suasana kuliah yang ceria bagi membolehkan pelajar antarabangsa tidak berasa tersisih.
4. Menyarankan semua pensyarah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ketika proses pengajaran dan pembelajaran.
5. Menguatkuasakan undang-undang bagi mengelakkan sebarang kes jenayah berlaku di dalam kampus.

Pelajar antarabangsa ini sebenarnya bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi negara bahkan ianya memberi inspirasi kepada pembelajaran antara budaya, meningkatkan kepelbagaian kepada isu-isu global dan sebagainya. Walaupun kehadiran pelajar antarabangsa ini banyak memberi manfaat kepada universiti, mereka juga terpaksa menghadapi kesukaran dalam penyesuaian seperti perbezaan budaya, halangan bahasa, pelarasan akademik dan

sebagainya. Oleh kerana kebanyakan pelajar antarabangsa datang dari kepelbagaian kewarganegaraan dan menghadapi pelbagai cabaran, ianya menjadi motivasi kepada pelajar antarabangsa itu sendiri dalam membangunkan sahsiah diri. Lantas, sebagai universiti awam di Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu melaksanakan pelbagai usaha demi untuk mewujudkan pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa yang lebih bermakna.

Bibliografi

- Aldemir, C. & Gulcan, Y. (2004). Student satisfaction in higher education: A Turkish case. *Higher Education Management and Policy*, 16, 109-122.
- Ang, M.K. & Tan, I. (2015). The First Year Experience. Malaysia: Taylor's University College
- Astin, A.W. (2012). Student Involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Personnel*, 25, 297-308.
- Ayob, M. A. & Yaakub, N. F. (2016). A business of higher education in Malaysia: Development and prospects in the new millennium.
- Azizan, H. (2015). Branding Malaysia. www.Studymalaysia.com/ (accessed April, 26, 2007).
- Barefoot, B. (2015). Higher education's revolving door: Confronting the problem of student drop up in US colleges and universities. *Open Learning*, 19, 9-18.
- Bodycott, P. (2013). Choosing a Higher Education Study Abroad Destination – What Mainland Chinese Parents and Students Rates as Important. *Journal of Research in International Education*, 8(3), 349-373.
- Chen, C.P. (2014). Common stressors among international college students. *Journal of College Counseling*, 2(49).
- Chung, K.C., Holdsworth, D.K., Li, Y.Q., and Fam, K.S. (2009). Chinese 'Little Emperor', Cultural Values and Preferred Communication Sources for University Choice. *Young Consumers: Insight and Ideas for Responsible Marketers*, 10(2), 120-132.
- Counsell, D. (2014). Chinese Students Abroad: Why They Choose the UK And How They See Their Future. *China: An International Journal*, 9(1), 48-71.
- Cubillo, J.M., Sánchez, J., and Cerviño, J. (2014). International Students' Decision-Making Process. *International Journal of Educational Management*, 20(2), 101-115.
- Enrolmen Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia sabah
www.ums.edu.my/phea/index/php/ms.
- Furnham, A. & Bochner, S. (2014). Culture Shock: Psychological Reactions to Unfamiliar Environments. London: Methuen.
- Halamandaris, K. F. (2014). Correlates of adjustment to university life among students. PhD. Dissertation, University of Stirling.
- Hanassab, S. & Tidwell, R. (2015). International students in higher education: Identification of needs and implications for policy and practice. *Journal of Studies in International Education*, 6, 305-316.
- Irma Wani, O., Norazah, M.S., Muhammad Safuan, Y., & Nor Arifah, M.N. (2014). Memanfaat Pengalaman Akademik Ekspatriat: Dasar Dan Polisi Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8(2014), 58-72.
- Liew Chei Siang. (2012). Analisis Kepuasan Terhadap Program Pengajian Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII*, 2, 1019–1031.
- Levitz, R., Noel, L. & Ritcher, B. (2013). Strategic moves for retention success. *New Directions for Higher Education*, 108, 31-49.
- Marimuthu, T. (2015). Student Development in Malaysia Universities. *Singapore: The Regional Institute of Higher Education and Development*, 11-14.
- Ministry of Higher Education (MOHE). 2017.
<http://www.mohe.gov.my/educationmsia/index.php?article=mohe>. Diakses: 3 Januari 2017.
- Ministry of Higher Education (MOHE). Statistik Perangkaan 2013.
http://www.mohe.gov.my/web_statistik/. Dieksses: 3 Januari 2017
- Musa, M. (2016). Challenges to making Malaysia a world leader in higher education. Paper

- presented at the 10th Anniversary Celebration and International Forum of Multimedia University, Cyberjaya.
- Norazah, M.S., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Norbayah M.S. (2014). Budaya Dan Pengembaraan Sebagai Pendorong Pemilihan Kerjaya Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8(2014), 73-86.
- Rudy, A.R., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Norazah, M.S. (2016). Pendorong Dominan dan Sub Dominan Kejayaan Kerjaya Ekspatriat Akademik Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10(2016), 77-85.
- Sadrossadat, S. J. (2015). *Psycho-Social and Cultural Adjustment Among International Students at the University of Wollongong*. PhD dissertation, University of Wollongong.
- Tinto, V. (2013). *Leaving College: Rethinking the Cause and Cures of Student Attrition* (2nd ed.) Chicago: University of Chicago.
- Upcraft, M. L., Gardner, J. N., & Barefoot, B. O. (Eds.). (2015). *Challenging and supporting the first-year student: A handbook for improving the first year of college*. San Francisco, CA: John Wiley & Sons, Inc.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research. Design and Method* 3rd Edition. Thousand Oaks. C A. Sage.
- Yin, R. K. (2009). *Case study Research: Design and Methods* 4rd Edition. Thousand Oaks. C A. Sage.
- Yorke, M. & Longsdon, B. (2016). *The First Experience in Higher in the UK*. Heslington York: the Higher Education Academy.